



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	WARGA ASING DICEKUP KENDALI BOT TAMAT TEMPOH, NEGERI, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	AGROBANK PERLUAS PROGRAM SIFAR TUNAI, NEGARA, KOSMO -38	AGROBANK
3.	NEGERI SEMBILAN PERLUAS TANAMAN PADI DI LONDAH, NEGERI, SH -27	LAIN-LAIN
4.	KPDN KELUARKAN 60 NOTIS SIASAT KENAIKAN HARGA SAYUR, NASIONAL, SH -9	
5.	PERLUAS KAWASAN TANAMAN PADI DI LONDAH, LOKAL, HM -10	
6.	NEGRI GOVT HAS BIG PLANS FOR PADI, FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -9	
7.	N.SEMBILAN TO INCREASE PADI PRODUCTION, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	
8.	'SAYUR DARI CAMERON MEMANG MAHAL', NEGARA, KOSMO -16	
9.	BEKALAN SAYUR MEROSOT 60%, DALAM NEGERI, UM -10	
10.	AYAM: KERAJAAN PERLU CAMPUR TANGAN, ELAK MONOPOLI KARTEL, DALAM NEGERI, UM -10	
11.	KENAIKAN HARGA SAYUR BUAT PENIAGA DILEMA, DALAM NEGERI, UM -10	
12.	GOVERNMENT SHOULD HELP VEGETABLE FARMERS IMPROVE THEIR TECHNOLOGY AND PRODUCTION, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
13.	2,200 ENFORCEMENT OFFICERS MOBILISED TO CARRY OUT PRICE CHECKS UNDER KPDN'S OP PASAR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4	
14.	KPDN ISSUES 60 NOTICES FOR GOODS UNDER OP PASAR, NATION, SIN CHEW DAILY -6	
15.	60 NOTICES FOR GOOD ISSUED UNDER 'OP PASAR', NEWS, GUANG MING DAILY -A5	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

7/2/2023

SINAR
HARIAN

NEGERI

27

Warga asing dicekup kendali bot tamat tempoh

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot sangkar ikan kerana menggunakan lesen bot yang telah tamat tempoh pada Ahad.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot berkenaan ditahan pada kedudukan sekitar 0.5 batu nautika timur Batu Maung sekitar jam 4.40 petang.

Menurutnya, penahanan itu dibuat oleh pasukan bot ronda Maritim Malaysia setelah memeriksa secara rawak terhadap sebuah bot sangkar ikan dalam OP Pertiwi.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot tersebut mendapati, bot itu dikendalikan oleh empat kru warga asing iaitu seorang tekong dan dua kru warga Myanmar serta seorang lagi kru warga Indonesia berumur lingkungan antara 21 hingga 29 tahun.



Bot nelayan yang ditahan Maritim Malaysia pada Ahad.

"Semakan dokumen mendapati, kesemua mereka mempunyai pengenalan diri yang lengkap tetapi disyaki melakukan kesalahan kerana mengendalikannya bot dengan lesen yang telah tamat tempoh," katanya menerusi kenyataan di sini pada Isnin.

Abd Razak berkata, kesalahan terbabit disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu beroperasi dengan mengendalikannya bot menggunakan lesen yang telah tamat tempoh.

"Bot bersama kesemua kru dan tekong ditahan sebelum dibawa ke jeti Pangkalan Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia bagi siasatan lanjut," katanya.

Tegasnya, Maritim Malaysia tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas tanpa kompromi ke atas mana-mana pengusaha atau pemilik bot yang sengaja melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

Negeri Sembilan perluas tanaman padi di Londah

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan akan memperluaskan tanaman padi sedia ada di Londah, Gernas di Tampin membabitkan 50 ekar (20 hektar) tanah bagi meningkatkan pengeluaran beras di negeri ini.

Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, buat masa ini pihaknya da-

lam proses perancangan pengaliran bersama Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) negeri bagi memastikan kawasan itu mempunyai sumber air yang mencukupi.

"Di Negeri Sembilan buat masa ini terdapat lebih 1,000 hektar tanaman padi iaitu di Kuala Pilah, Rembau, Jempol dan Jelebu.

"Paling luas di Jelebu iaitu hampir

500 hektar yang mana kesemua hasil tanaman padi ini adalah untuk pasaran tempatan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Menurutnya, pembukaan kawasan baharu untuk penanaman padi itu bukan sahaja meningkatkan keterjaminan makanan, malah dapat membuka peluang pekerjaan terutamanya kepada penduduk setempat.

Agrobank perluas Program Sifar Tunai

PETALING JAYA – Agrobank baru-baru ini memperluaskan Program Sifar Tunai ke Kolej Vokasional Tengku Ampuan Afzan (KVTA), Bentong bertujuan mempromosikan ilmu pengurusan kewangan dan pendigitalan kewangan dalam urus niaga harian.

Program berkenaan melibatkan seramai 845 penghuni KVTA yang terdiri daripada 725 pelajar dan 120 warga kerja termasuk pendidik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, ia dibangunkan dengan fokus mendidik pelajar kolej untuk menyemai budaya pengurusan wang yang betul, agar golongan muda lebih bersedia untuk menguruskan kewangan mereka dan cekap menjalankan transaksi secara digital.

"Selepas ini pelajar dan

warga kerja kolej KVTA hanya perlu mengimbas kod QR (respons pantas) di koperasi dan kantin kolej menggunakan telefon pintar untuk membuat pembayaran.

"Konsep ini bukan sahaja memudahkan urusan jual beli, tetapi juga mudah dan cepat, yang mana pelajar dan pengusaha kantin tidak perlu menyediakan wang kecil atau wang baki.

"Manakala bagi pihak koperasi dan pengusaha kantin pula, wang hasil perniagaan harian akan terus didepositkan ke dalam akaun perniagaan dan usahawan boleh menyemak transaksi di akaun mereka secara online.

"Ini membantu mereka memantau rekod kewangan serta mempunyai pengurusan akaun yang lebih teratur," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.



KETUA Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi (kanan) melancarkan Program Sifar Tunai Agrobank di KVTA, Bentong baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

KPDN keluarkan 60 notis siasat kenaikan harga sayur

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengeluarkan 60 notis terhadap 296 jenis barangan yang telah diperiksa bagi tujuan analisis dan siasatan berhubung kenaikan harga sayur-sayuran melalui Operasi Pasar (Op Pasar).

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati faktor peningkatan harga sayur-sayuran adalah disebabkan musim monsun, kenaikan kos input seperti baja, benih dan racun yang diimport, kadar pertukaran mata wang serta kos perkapalan.

Beliau berkata, pihaknya memandang serius rungutan orang ramai berkenaan kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran seperti dilaporkan media arus perdana dan media sosial.

"Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha menangani isu-isu ini melalui tindakan proaktif dan penguatkuasaan," katanya dalam satu kenyataan.

Op Pasar merupakan antara pemeriksaan dan pemantauan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang difokuskan bagi menangani kenaikan harga sayuran di pasaran.

Azman berkata, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa digerakkan setiap hari bagi melaksanakan pemeriksaan harga di premis seluruh negara termasuk yang menjual sayur-sayuran.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya sentiasa melaksanakan sesi libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) serta pihak peniaga bagi memastikan bekalan sedia ada sentiasa mencukupi.

"Kementerian juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba ambil kesempatan menaikkan harga keterlaluan," katanya.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga boleh menyalurkan aduan lengkap kepada KPDN melalui WhatsApp di **019-2794317** atau **019-8488000**; Portal Aduan **e-aduan.kpdnhep.gov.my**; Pusat Panggilan **1-800-886-800**; emel **e-aduan@kpdnhep.gov.my** dan Ez ADU KPDN. - Bernama

7/2/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

10

Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan akan memperluaskan kawasan penanaman padi sehingga 50 ekar di Londah, dekat sini, bagi meningkatkan pengeluaran beras di negeri, sekali gus mengurangkan import.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, ketika ini ia dalam proses perancangan pengairan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dengan kerja pembersihan tanah akan dimulakan dalam masa terdekat.

"Ia juga selari dengan dasar kerajaan sebelum ini yang mahukan pengeluaran padi tempatan sebanyak 75

peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Saya rasa tahun ini kita lesai proses penebasan dan pembersihan, sebab kawasan itu masih lagi terbiar dan semak samun setakat ini.

"Kita juga melihat kelestarian bekalan air untuk tanaman itu, sebab kita risau bila dah bina segala kemudahan dan sebagainya, sumbu air untuk mengairi tanaman pula tidak mencukupi. Kita perlu teliti betul-betul sumber air kekal dan tambah kawasan pengeluaran makanan," katanya di pejabatnya di Wisma Negeri

di sini.

Beliau berkata, pembukaan kawasan baharu untuk penanaman padi berkenaan bukan sahaja dapat meningkatkan keterjaminan makanan, malah dapat membuka peluang pekerjaan terutama kepada penduduk setempat dan Negeri Sembilan juga berhasrat menjadi antara negeri pengeluar padi untuk negara.

Mengakui banyak sawah padi terbiar seperti di Jelebu, Kuala Pilah dan beberapa daerah lagi, Bakri berkata, ia mungkin disebabkan masalah pengairan yang berkerangan akibat daripada

pembukaan hutan untuk rancangan tertentu selain masalah cuaca dan modal serta pembangunan sektor lain.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan mewujudkan

Perluas kawasan tanaman padi di Londah

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk tanaman sayur-sayuran, konitan dan napier di kawasan seluas 100 ekar di Gemas dalam waktu terdekat akan digalakkan pertanian secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.

Sementara itu, Bakri berkata, kerajaan negeri juga sedang mencari kawasan tanah atau gudang lama untuk dijadikan kawasan penanaman menegak (*vertical farming*) sebagai alternatif bagi

menampung keperluan makanan pada masa akan datang.

Bagaimanapun menurutnya, Negeri Sembilan masih mempunyai banyak tanah terbiar dan ia bukannya utamaan pada masa ini, namun langkah itu boleh dilaksanakan akan datang sekiranya tanah makin mengencil berikutan pembangunan.

"Ia bukan kaedah baharu tapi boleh difikirkan untuk dilaksanakan di negara ini, malah kaedah ini juga sudah popular di Singapura kerana menjimatkan ruang. *Vertical farming* biasanya membabitkan jenis sayuran bertingkat seperti sawi, bendi dan salad," katanya.



BAKRI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2023	THE SUN	NATION	3

Negri govt has big plans for padi, food security

SEREMBAN: The Negri Sembilan government will expand the area for padi cultivation by up to 20,23ha in Londah here to increase production in the state, thus reducing rice imports.

State agriculture and food security committee chairman Datuk Bakri Sawir said the state government is currently in the irrigation planning process with the Irrigation and Drainage Department, and that land-clearing work is set to commence soon.

"This is also in line with the government policy of 75% local padi production in years to come ... and I think we will be able to complete the land-clearing process this year.

"We are also looking at the sustainability of the water supply for the crop because we are worried that when we have built all the facilities, the water source to irrigate the crop will not be sufficient.

"So, we need to look into permanent water sources and increase food production areas," he said when met at his office at Wisma Negeri here, reported Bernama.

He said that opening new areas for padi cultivation would not only increase food security and create jobs for locals, but Negri Sembilan also aims to become one of the rice-producing states.

While acknowledging that there are many abandoned padi fields in Jelebu, Kuala Pilah and some other districts, Bakri said this might be caused by irrigation issues due to forest clearing for certain development plans, in addition to weather problems.

Meanwhile, he said the state government would create a Permanent Food Production Park for vegetables, cash crops and napier grass (used for foraging) on a 40.5ha piece of land in Gemas soon to encourage large-scale, commercial and high-technology agriculture activities.

He also said that the state government is ready to look for land or old warehouses to be used for vertical farming as an alternative to cover food needs in the future.

However, he said there is still a lot of abandoned land in Negri Sembilan, so it is not a priority at the moment.

N. Sembilan to increase padi production

SEREMBAN: The Negeri Sembilan government will expand padi cultivation areas to 20.23ha in Londah to increase production in the state, thus reducing the import of rice.

State Agriculture and Food Security Committee chairman Datuk Bakri Sawir said the state government is in the irrigation planning process with the Irrigation and Drainage Department, and land-clearing work is set to start soon.

"This is also in line with the government policy of 75% local padi production in several years to come. I think we will be able to complete the land-clearing process this year.

"We are also looking at the sustainability of water supply for the crop because we are worried that when all the facilities are built, the water source to irrigate the crop will not be sufficient," he said at his office at Wisma Negeri here.

Bakri also said opening new areas for padi cultivation would not only increase food security and create jobs for locals but will also make Negeri Sembilan become one of the rice-producing states.

On abandoned padi fields in Jelebu, Kuala Pilah and in other districts, he said this might be caused by irrigation issues due to forest clearing, weather problems as well as development of other sectors.

Bakri said the state government is planning to create a Permanent Food Production Park for vegetables, cash crops and Napier grass on a 40.5ha land in Gemas to encourage large-scale, commercial and high-technology agriculture activities.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2023	KOSMO	NEGARA	16

Peniaga pilih jual jenis sayuran elak tanggung rugi

'Sayur dari Cameron memang mahal'

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI – Peniaga di pasar basah Tikam Batu, di sini mengeluh berikutan kenaikan mendadak harga barang basah sejak perayaan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Tinjauan *Kosmo!* di pasar tersebut mendapati rata-rata peniaga terpaksa mengehendkan jenis sayur yang dijual kerana tidak mahu menanggung kerugian apabila pelanggan tidak membeli sayur kerana harga mahal.

Seorang peniaga sayur, Aminah Abdullah, 43, berkata, dia terpaksa menjual sayur dengan harga lebih 50 peratus susulan harga borong beberapa jenis sayur naik mendadak.

"Antara harga sayur yang naik

melambung ialah tomato, sawi, kacang buncis, timun, daun sup, daun bawang dan bendi.

"Saya terpaksa berhenti membeli sayur dari Cameron Highlands memandangkan harga bekalannya naik terlalu tinggi.

"Kebanyakan sayur yang dijual hari ini (semalam) adalah bekalan yang diambil dari Thailand," katanya ketika ditemui semalam.

Ujarnya, harga bekalan sayur dari Thailand juga sudah naik, jika dahulu harga sekotak tomato saiz kecil ialah antara RM20 hingga RM30, kini sudah naik kepada RM50 sekotak.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali Ani, 45, berkata, dia terpaksa mengehendkan jenis sayur yang dijual kerana tidak mahu menanggung kerugian.

"Saya tidak mengambil bekalan tomato berikutan harga borong tomato dari Cameron Highlands kini sudah mencecah kira RM90 sekotak iaitu kira-kira berat enam kilogram.

"Jika saya ambil bekalan tomato, saya perlu jual dengan harga kira-kira RM10 hingga RM20 sekilogram," jelasnya.

Selain itu, harga ikan kembung dan hasil laut lain juga masih tinggi iaitu antara RM8 hingga RM10 sekilogram bagi saiz kecil.

Sementara itu, peniaga ikan, Muhamad Rizal Sanudin, 24, berkata, dia cuma menjual ikan kembung dan sotong bersaiz kecil sahaja kerana tiada bekalan.

"Saya jual ikan kembung RM8 sekilogram, manakala sotong pula RM16 sekilogram," jelasnya.



AMINAH (kiri) terpaksa membeli sayur dari Thailand berikutan harga barangan keperluan itu dari Cameron Highlands naik mendadak ketika ditemui di pasar basah Tikam Batu, Sungai Petani semalam.

Bekalan sayur merosot 60%

PETALING JAYA: Bekalan sayur seluruh negara merosot antara 50 hingga 60 peratus disebabkan hujan sekali gus melonjakkan harga sayuran di pasaran.

Setiasaha Agung Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong berkata, hujan yang berlarutan sejak hujung tahun lepas menyebabkan bekalan sayur semakin berkurangan tetapi permintaan semakin meningkat.

"Ini menyebabkan permintaan sayur makin meningkat terutama semasa musim perayaan tetapi bekalan berkurangan menjadikan harga sayuran di pasaran terpaksa dinaikkan.

"Dalam masa sama, import

sayur juga berkurangan disebabkan cuaca tidak menentu di seluruh dunia. Oleh itu, negara pengimport turut menaikkan harga sayuran kerana permintaan yang tinggi," katanya ketika dihubungi.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan kenaikan mendadak harga sayur-sayuran sehingga mencecah 100 peratus, didorong empat faktor terutama peningkatan harga produk baja tanaman.

Harga baja tanaman mula meningkat sejak penularan Covid-19 pada 2020, namun menunjukkan peningkatan drastik sejak krisis Russia-Ukraine awal tahun lepas.

Chay Ee Mong berkata, di Cameron Highlands suhu menunjukkan penurunan drastik menyebabkan tumbesaran sayuran seperti tomat, bendi dan kacang panjang lambat.

"Kebanyakan sayur yang dapat dijual juga kurang kualitinya dan bukan seperti selalu yang boleh dikategorikan kepada gred A,B dan C.

"Timun yang dijual pada harga RM1 kini meningkat sehingga RM5 di beberapa kawasan.

"Harga cili, lada manis, bendi, tomat dan kacang panjang dijangka terus meningkat sekiranya cuaca berlarutan seperti ini untuk beberapa minggu lagi," jelasnya.



ZULKIFLI Mat Daud bersama sayur yang alami kenaikan 100 peratus di gerainya di Rantau Panjang, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

Ayam: Kerajaan perlu campur tangan, elak monopoli kartel

Oleh **FAHMI FAIZ**
fahmi.faz@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa segera menyelesaikan masalah ternakan ayam daging dan ayam telur dengan membangunkan sendiri sektor pembekalan anak ayam *day old chick* (DOC) serta sektor makanan dedak berbanding bergantung seratus peratus kepada kartel.

Sumber industri yang dihubungi berkata, ini perlu bagi mengelakkan kerajaan berterusan menyuntik subsidi kepada syarikat-syarikat gergasi industri itu yang hakikatnya langsung tidak mempunyai semangat nasionalisme untuk memperkasa sektor keselamatan makanan negara, sebaliknya cuma sekadar memikirkan keuntungan masing-masing.

Sumber berkata, bukti jelas bahawa subsidi yang disuntik kerajaan kepada syarikat gergasi industri ayam dan telur menemui kegagalan adalah apabila mereka berterusan mengeksport ayam serta telur keluar negara, sedangkan keperluan domestik sangat kritikal.

"Baru-baru ini, saya merujuk kepada berita *Utusan Malaysia* bahawa kemungkinan penterak tidak dapat memenuhi permintaan ayam menjelang hari raya. Ini memang betul, sebab macam mana kami mahu menambah pengeluaran sedangkan sebagai penterak kontrak, kami terikat dengan kartel

yang membekalkan anak ayam dan makanan kepada kami.

"Kami terpaksa mengikat kontrak dengan kartel dan integrator kerana di negara ini, memang lumrahnya untuk penterak ayam sekadar menternak. Kami diberikan bekalan DOC, dedak serta vaksin oleh kartel dan integrator. Kos ini semua kami kena tanggung. Kemudian kami ternak sampai anak ayam itu cukup umur sekitar 35 hingga 40 hari, bergantung kepada kontrak," katanya semalam.

Sumber berkata, masalah dalam kalangan penterak kontrak berlaku kerana kerajaan langsung tiada mekanisme mengawal bekalan dan harga anak ayam serta dedak, yang merupakan dua elemen paling banyak menelan belanja dalam sektor ternakan ayam.

Untuk rekod, berdasarkan pertemuan akhbar ini dengan beberapa penterak sektor ayam dan telur, masing-masing mendedahkan purata harga anak ayam sekarang adalah RM3.30 seekor, manakala harga dedak secara purata berjumlah RMI35 bagi 50 kilogram dedak.

Mengulas perkara itu, sumber berkata, langkah kerajaan menyuntik subsidi kepada pengeluaran DOC dan makanan kononnya mahu menurunkan harganya gagal kerana harga dedak dan DOC tidak turun-turun.

Malah, dikhawatiri tindakan menyuntik subsidi secara

berterusan akan mengakibatkan kartel serta integrator 'naik lenak' dan sentiasa selesa menyedut wang subsidi namun gagal selesaikan masalah bekalan, harga DOC dan makanan ayam.

"Tahun lepas, kerajaan menyuntik bilion ringgit subsidi kepada sektor ayam dan telur. Adakah ia berkesan, sedangkan harga DOC sekarang ini mencecah RM3.40 seekor? Sepatutnya, lepas bagi subsidi, harga turun-turun. Tapi harga tak turun-turun.

"Sama juga dengan dedak. Akibat polisi kerajaan yang melepaskan segala urusan makanan ayam kepada syarikat swasta, mereka senang-wenang menaikkan harga dedak sesuka hati. Ini memang terbukti berlaku, sebab tahun lepas Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengesahkan wujud aktiviti kartel dalam sektor makanan ayam," kata sumber.

Untuk rekod, MYCC pada 5 Ogos lalu, mengeluarkan kenyataan bahawa siasatan mendapati, lima perusahaan terlibat dalam kegiatan kartel membabitkan makanan ayam.

Hasil siasatan mendapati, maklumat perdagangan sensitif yang telah dikongsi antara perusahaan-perusahaan tersebut dilihat berpotensi mengganggu persaingan dalam pasaran.

Malah kata MYCC, melalui penetapan harga pada kuantum makanan ayam yang sama telah menyebabkan kenaikan dalam kalangan perusahaan, mengaki-

batkan pilihan pembeli dalam memilih pembekal makanan ayam pilihan mereka yang menawarkan harga terbaik menjadi terhad.

TUBUH LEMBAGA UNGGAS

Mengulas perkara itu, sumber mendesak kerajaan segera melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terlibat secara langsung mengeluarkan anak ayam DOC serta menghasilkan makanan ternakan itu.

Sejurus melantik GLC sebagai pengeluar DOC dan pengimport ramuan menghasilkan makanan ayam, kerajaan perlu segera menubuhkan lembaga unggas untuk mengawal selia dua komponen penting dalam ekosistem ternakan ayam itu.

"Melalui pemubuhan lembaga unggas, maka kita boleh fokus seratus peratus kepada industri ayam, bukan macam sekarang apabila menyerahkan industri yang saiznya terlalu besar ini kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Harus diingat, JPV cuma sebuah agensi, mereka terpaksa menyelia semua sektor ternakan daripada ruminan sampailah kepada unggas. Saiz industri ayam dan telur terlalu besar untuk diselia hanya oleh JPV.

"Jadi, melalui penubuhan lembaga khas unggas ini, lembaga ini boleh fokus dan memberi sepenuh tumpuan kepada sektor ayam dan unggas," katanya.

Kenaikan harga sayur buat peniaga dilema

RANTAU PANJANG: Kenaikan 100 peratus harga sayur-sayuran ketika ini membuat peniaga berada dalam dilema untuk menjual bahan mentah itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata peniaga mengakui 'tersepit' dengan situasi ketika ini.

Seorang peniaga sayur, Zulkifli Mat Daud, 45, turut terkesan dengan kenaikan harga sesetengah bahan mentah itu yang melebihi 100 peratus.

"Kami peniaga sudah merasa 'tekanan' susulan kenaikan harga sayur, apatah lagi pengguna. Antara sayur yang ketara mengalami kenaikan harga adalah timun, tomat dan kacang panjang.

"Sebagai contoh sebelum ini satu plastik timun seberat 7 kilogram (kg) dijual pada RM18, namun ia telah naik kepada RM38. Bagaimanapun, sayuran seperti sawi dan kubis mengalami penurunan," katanya di sini hari ini.

Zulkifli memberitahu, harga sayur menjadi tidak stabil sejak banjir melanda negeri ini penghujung tahun.

Headline	Government should help vegetable farmers improve their technology and production		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	07 Feb 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	962 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,101
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,302



限进口蔬菜不明智

应助菜农改良技术量产

【吉隆坡6日讯】我国蔬菜供应量仍不足应付本地市场需求，在面对进口商的竞争之际，政府更应鼓励本地菜农提升种植技术及有规模种植，借此反击市场竞争，也协助他们冲出国际市场，以扩大本身的销售平台。

菜农公会及蔬菜批发商公会及业者接受《南洋商报》访问时指出，实施禁止或限制进口蔬菜是不明智的做法，因为这无助于鼓励本地菜农提高竞争能力及与外界竞争。

他们指出，当前劳动力不足及聘用费高昂等因素，才是导致本地菜农无法大规模投产的原因。

早前，国内主要包菜供应商高峰企业集团创办人李慧新早前明发呼吁政府，应针对本地农民能种植的蔬菜，采取不开放施惠进口的政策，以避免外国公司垄断我国的蔬菜供应市场。

业界认为，固步自封的作业模式将让我国陷入粮食危机及无法应对天然灾害，比如雨季、虫害等来袭时，国内粮食市场或

陷入供应不足状况，最终也将让消费者吃贵货。

“我国拥有得天独厚的气候、土壤及地理环境优势，政府应考虑通过放宽净地方式，鼓励菜农有规模的大面积种植，同时协助他们将产品外销至海外市场。”

受访者也相信蔬菜进口商皆是精明会算的商人，他们将按国内市场供应、价格需求等合理进口。

呼吁援助菜农基金

“过去，国际政府对包菜进口菜入口准证(AP)模式，惟因政府取消该政策后，却让我们看到包菜市场供应量变得稳定，价格也更趋平稳。”

他们反倒建议农业及粮食安全部应设立援助菜农基金，在特定蔬菜面临产量过剩时期，给予他们补贴，协助避免血本无归，比如近期雨季来临，导致蔬菜歉收，进而促使蔬菜价格高企，但是菜农却无法从中获益。



我国菜农种植技术不俗，为此，菜农盼政府协助提供竞争能力及将商品推广至海外市场销售。

黄敬发：让市场自由浮动 不赞成设置顶价

吉隆坡蔬菜批发商公会会长黄敬发指出，进口商主要选择好价、好货蔬菜进货，为此，政府不能再走回入口准证运营模式，而应通过市场自由浮动机制，协助本地菜农提高竞争能力。

他也强调，入口准证政策只是特定进口商，借此中介引进，商品售价更高。反观现在采用的自由进口模式，能有效控制市价及数量。

“蔬菜售价飙升事出有因，当中成本是主因，包括肥料和员工成本及气候变化影响等，当局有必要对症下药解决问题，反

之，不应过分插手管控市场运作，毕竟供应量不足时，商家自然会从外国进口商品的。”

“我也不认同设定顶价管控，比如从一些硬制品可见一斑，当局已打及市场自由浮动机制，以致一些商品甚至无法走回头路。”

他表示，政府应协助本地菜农提高种植技术，毕竟我国也不乏高品质的蔬菜商品，以金马仑种植的番茄、灯笼椒为例，因品质良好而得到海外市场青睐如新加坡、迪拜、沙特阿拉伯等。

“我们不能禁止任何海外进口，而是应考虑协助菜农开拓海外市场，让他们不再只依赖本地销售。”

最终消费者将被迫买贵菜。

他补充，林仕伟、菜农也难以预计产量，在播种那一刻起，谁都不能预料收成有多寡，比如近期雨水过盛、没阳光助力，导致农作歉收，尽管市价高企，大家也只能望天兴叹。

“农业部不援助，往后本地农务地面对后继无人，以致国内粮食就得依赖海外进口了。”



黄敬发

“靠天吃饭”冀政府援助

大马菜农总会主席林仕伟表示，我国不乏种植技术良好的专业菜农，惟因欠缺政府提供津贴援助，本身建议当局应设立援助菜农基金，同时协助他们将农产品外销海外市场。

他说，相信蔬菜进口商也是精明会算的商人，比如黄瓜好价时，他们就会从泰国引进销售，辣椒长期供应不足，则从泰国、越南等进口，从而稳定本地市场供应，同时也让售价得以平稳发展。

“尽管我认同进口量

过多会导致本地菜农因无利可图而选择性种植，但若没获利情况下，进口商也不会经营无本生意；蔬菜是一门‘靠天吃饭’的行业，在产量管控上，农业部或大马联邦农业销售局(FAMA)或需要探讨如何管控进口量了。”

AP模式出现垄断

针对过去因政府采用入口准证方式管控，林仕伟表示不认同此方案，毕竟这存在垄断市场现象，从收购商、批发商、零售商等各环节一手后，最



林仕伟

蔬菜类别	农历新年前 (令吉/每公斤)	农历新年后 (令吉/每公斤)	涨幅 (%)
绿豆 (乌龟豆)	8	18	125
菜心	3.50	6	71.43
黑豆	6	13	116.67
羊角豆	6	15	150
小白菜	4	7	75
黄瓜	2	6	200

(上述为最低报价)



解劳工荒最实际

巴生公市各业商会长兼菜农黄书强指出，禁止进口海外蔬菜非明智做法，政府应对症下药，尽速解决农业劳工短缺及降低聘用劳工成本高昂的问题，目前聘用一名外籍劳工的成本是几万令吉，这对种植业而言是天价，也将严重冲击未来的粮食成本价。”

建议准聘难民

他呼吁政府，或可考虑将难民纳入劳工聘用一环，以此解决难民生计，也协助减少另外引进外劳的成本，同时也可改善市场劳动短缺现象，进而达到一举三得的效果。



黄书强

素才是导致菜农无法大规模投产的原因。

“我们希望政府加速开放外劳申请程序，同时协助菜农改善聘用劳工成本高昂的问题，目前聘用一名外籍劳工的成本是几万令吉，这对种植业而言是天价，也将严重冲击未来的粮食成本价。”

应视供需管控进口

雪州滨海区菜农公会主席洪进国表示，不认同禁止进口或恢复入口准证措施，但认为农业部有必要视蔬菜的市场供应，避免因进口引发波动而压低售价，进而让菜农血本无归。

“本地产量充裕，价格受控，当局就不应再开放大量进口，以致影响我们的获利，特别是目前原料价格高企的情况下，包括肥料、劳工等都严重涨价了。”

他披露，由于没有劳



洪进国

工，瓜拉冷岳一带的菜农也被迫改为种植香蕉、木薯、蕃薯、南瓜、嫩姜等香料农作物。

“叶菜需要大量劳工进行采收，在劳工不足的情况下，我们根本无法运作。”

他补充，至于种植香料产品，却也对各种困难，比如近期雨季未至，很多菜苗因泡水腐烂而无法种植，为此，菜农实际需要得到政府的关注和照顾，尤其度过天灾所造成的损失。

Headline	2,200 enforcement officers mobilised to carry out price checks under KPDN's Op Pasar		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	07 Feb 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,244



内贸部“巴刹行动” 2200执法员查来价

【八打灵再也6日讯】国内贸易及生活成本部执法总监拿督阿兹曼阿当表示，该部在“巴刹行动”（Op Pasar）中检查了296种商品，并发出了

60份与蔬菜价格上涨有关的通知信。

他说，“巴刹行动”是根据2011年价格管制和反暴利法来进行，以针对市场上蔬菜价格不断上

涨的现象进行调查。

“部门每天派出2200名执法人员到全国各地检查价格。检查结果显示，价格上涨是受到季风、汇率、运输成本、进口农药、种子以及肥料的价格高涨所影响。”

他表示，内贸部认真看待民众对货物价格上涨的投诉，也正通过积极的

<https://eaduan.kpdn.gov.my/>

1800-88-6800/03-8882 6088/03-8882 6245

e-aduan@kpdn.gov.my

019-848 8000 或 019-279 4319

行动和执法来努力解决相关问题。

“除了检查以外，我们也不时与农业及粮食安全全部举行会议，以确保市

场上有足够的蔬菜供应。”

他强调，该部将对暴利者采取严厉的执法行动，以对付相关人士。

Headline	KPDN issues 60 notices for goods under Op Pasar		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	07 Feb 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,752



內貿部“巴刹行動” 查296商品漲價原因

(八打灵再也6日讯) 国内贸易及生活费部执法总监拿督阿兹曼阿当表示, 该部在“巴刹行动”(Op Pasar)中检查了296种商品, 并发出了60份与蔬菜价格上涨有关的通知信。

认真看待物价涨投诉

他表示, “巴刹行动”是根据2011年价格管制和反暴利法下进行, 以针对市场上蔬菜价格不断上涨的现象进行调查。该部每天共有2200名执法人员被分配到全国各地进行价格检查, 而检查结果显示价格上涨是受到季候风、汇率、运输成本、进口农药、种子以及肥料的价格高涨而造成。

他说, 该部认真看待民众在媒体或社交媒体上对于货物价格上涨的投诉, 而该部正通过积极的行动和执法来努力解决相关问题。

“除了检查以外, 我们也不时与农业及粮食安全部举行会议以确保市场上有足够的蔬菜供应。”

他强调该部不会对暴利的一方做出妥协, 反之将采取严厉执法行动对付相关人士。

民众可通过官网<https://eaduan.kpdn.gov.my/>、热线1800-88-6800、电邮e-adian@kpdn.gov.my、电话03-8882 6088或03-8882 6245、手机应用程序WhatsApp 019-848 8000或019-279 4319向该部作出投报或提供情报。

Headline	60 notices for goods issued under `Op Pasar`		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	07 Feb 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A5	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,898
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,694



巴刹行動查296種商品 發60份菜價上漲通知書

(八打灵再也6日讯) 国内贸易及生活费部执法总监拿督阿兹曼阿当说, 该部在“巴刹行动”(Op Pasar)中检查了296种商品, 并发出60份与蔬菜价格上涨有关的通知信。

他在文告中指出, “巴刹行动”是依据2011年价格管制和反暴利法下进行, 以针对市场上蔬菜价格不断上涨的现象展开调查。

他披露, 该部每日有2200名执法人员被分配到全国各地展开价格检查, 而检查结果显示价格上涨是受季候风、汇率、运输成本、进口农药、种子及肥料价格高涨所造成。

他强调, 该部认真看待民众在媒体或社交媒体上

对于货物价格上涨的投诉, 该部正通过积极的行动和执法来努力解决问题。

他补充, 除了检查, 当局也不时与农业及粮食安全全部举行会议, 确保市场上有足够的蔬菜供应。

“我们不会对暴利的一方有所妥协, 反之将采取严厉执法行动对付相关人士。”

民众可通过官网<https://eaduan.kpdn.gov.my/>、热线1800-88-6800、电邮e-adian@kpdn.gov.my、电话03-8882 6088或03-8882 6245、手机应用程序WhatsApp 019-848 8000或019-279 4319向该部投报或提供情报。(TKM)